Vol. 26 No. 2 (2026) Jurnal al- Sirat
https://doi.org/10.64398/

Vol. 26 No. 2 (2026)
ISSN: 1823-4313 / e-ISSN: 2785-9169
https://ejournal.uniqsaas.edu.my/

PEMBANGUNAN KONSTRUK MODEL PENGAJARAN KOSA KATA BAHASA ARAB BERASASKAN WARNA DAN GAMBAR DALAM PENGAJARAN HAFAZAN AL-QURAN

DEVELOPMENT OF A CONSTRUCT MODEL FOR TEACHING ARABIC VOCABULARY USING COLOURS AND IMAGES IN AL-QURAN MEMORIZATION INSTRUCTION

Mohd Zaid Ismail[1], Mohd Nor Adli Osman [2], Saipolbarin Ramli [3], Mohammad Najib Md. Norani [3]

[1]Department of General Studies, Politeknik Sultan Azlan Shah, Malaysia
[2]Islamic Studies Section School Of Humanities, Universiti Sains Malaysia
[3]Faculty of Language & Communication, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

Abstract

This study aims to develop the constructs of an Arabic vocabulary teaching model based on colors and images within the context of Qur'anic memorisation instruction. The model was developed by integrating Gagné's Instructional Model, the Sidek Module Development Model, and the Taba Instructional Model. The Fuzzy Delphi Method was employed to obtain expert consensus in validating the key constructs underpinning the proposed model. A total of 12 experts in Arabic language, and Qur'anic teaching participated in the evaluation process. The Fuzzy Delphi analysis revealed that seven main constructs achieved a threshold (d) value of less than 0.2 and an expert consensus level exceeding 91.7%, thereby satisfying the acceptance criteria. The accepted constructs comprise Content, Teaching Methods, Management Protocols, Colour Selection, Image Selection, Surah Text, and Reinforcement Enhancement. This study contributes to the development of a more systematic and effective curriculum for Arabic vocabulary learning through a visual-based approach that supports Qur'anic memorisation at the Islamic preschool level.

Keywords: *Instructional model; Arabic vocabulary; Qur'anic memorisation; Fuzzy Delphi Method; visual-based learning.*

Perkembangan Artikel

Diterima: 28 Ogos 2026
Disemak: 30 September 2026
Diterbit: 30 Oktober 2026

*Corresponding Author:
Mohd Zaid ISmail, Department of General Studies, Politeknik Sultan Azlan Shah.
Email:
mohdzaidpsas@gmail.com.my

PENGENALAN

Bahasa Arab mempunyai kedudukan istimewa dan penting dalam kehidupan umat Islam kerana ia merupakan bahasa utama dalam ibadah dan amalan harian. Sebagai contoh seperti solat yang tidak sah tanpa menggunakan bahasa Arab (Mohd Zaid, 2024; Aprizal, 2021). Justeru, di Malaysia, bahasa Arab diajar seawal peringkat prasekolah dalam usaha memupuk penguasaan kosa kata asas termasuk nama benda, kata kerja, warna, dan bilangan (Al-Qahtani, 2015; Muhammad Sabri Sahrir, 2015).

Namun begitu, tahap penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar di pelbagai peringkat masih tidak memuaskan, berpunca daripada kelemahan dalam menguasai kosa kata asas (Abdul Razif

Zaini et al., 2020). Situasi ini turut berlaku di peringkat prasekolah apabila penguasaan sebutan huruf Arab dalam kalangan murid hanya berada pada tahap sederhana (Nik Mohd Rahimi et al., 2010).

Penguasaan kosa kata bahasa Arab juga berkait rapat dengan keupayaan dalam hafazan al-Quran, di mana penguasaan bahasa Arab dapat membantu penghafaz memahami tema dan kandungan ayat yang dihafaz (Noza Aflisia, 2016; Ku Fatahiyah et al., 2019). Pendidikan tahfiz di Malaysia, termasuk di tadika, berkembang pesat dengan memasukkan hafazan juzuk Amma dalam kurikulum prasekolah (Kementerian Pendidikan Malaysia [KPM], 2017). Walau bagaimanapun, wujud isu ketidakseragaman kaedah hafazan yang menjejaskan keberkesanan pencapaian hafazan murid (Azmil Hashim, 2010; Azmil Hashim & Ab Halim Tamuri, 2012).

Kajian menunjukkan bahawa penggunaan elemen visual seperti warna dan gambar dalam proses pembelajaran dapat meningkatkan daya ingatan, perhatian, dan pemahaman kanak-kanak (Mariam Adawiah Dzulkifli & Muhammad Faiz Mustafar, 2012; Utami et al., 2022). Pendekatan pengajaran yang menggabungkan unsur warna dan gambar juga dilihat mampu membantu murid mengingati dan memahami kosa kata dengan lebih efektif (Mohd Zaid, 2024; Siti Marziah, 2021; Abdullah et al., 2020). Berikutan itu, pembangunan modul SMART-KQ berasaskan warna dan gambar diusulkan sebagai satu inovasi dalam mengatasi cabaran penguasaan kosa kata bahasa Arab dan hafazan al-Quran di peringkat tadika Islam.

ISU KAJIAN

Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) telah menetapkan bahawa murid prasekolah perlu diperkenalkan kepada asas penguasaan bahasa Arab melalui aktiviti menghafaz surah pendek dan mempelajari kosa kata mudah (Kementerian Pendidikan Malaysia [KPM], 2010). Namun, kajian mendapati bahawa tahap penguasaan bahasa Arab dan hafazan al-Quran dalam kalangan murid prasekolah di Malaysia masih berada di tahap yang membimbangkan (Abdul Razif Zaini et al., 2020; Norizah Tukiman et al., 2017). Antara faktor utama masalah ini adalah penguasaan kosa kata Arab yang lemah, yang seterusnya menjejaskan kemampuan murid memahami dan menghafaz ayat al-Quran dengan baik (Noza Aflisia, 2016; Nurain Zainal Abidin et al., 2017).

Salah satu punca kelemahan ini ialah penggunaan kaedah pengajaran tradisional yang terlalu bergantung kepada hafalan berulang-ulang tanpa inovasi seperti penggunaan bahan visual atau teknik pembelajaran interaktif (Hussin et al., 2022; Safinah et al., 2023). Kaedah hafazan yang hanya berasaskan pendengaran dan pengulangan tanpa bantuan alat bantu mengajar moden menyebabkan murid cepat bosan dan kurang bermotivasi untuk menghafal ayat-ayat al-Quran. Tambahan pula, banyak guru prasekolah yang mengajar bahasa Arab dan hafazan tidak mendapat latihan khusus berkaitan kaedah pengajaran interaktif yang sesuai untuk kanak-kanak, menyebabkan pengajaran menjadi kaku dan kurang berkesan (Hashim, 2022; Mokhtar et al., 2021).

Masalah ini diperparahkan lagi oleh kekurangan bahan bantu mengajar yang sesuai di peringkat tadika. Guru-guru menghadapi kesukaran untuk mendapatkan bahan rujukan dan bahan pembelajaran yang mampu menjadikan proses pengajaran lebih menyeronokkan dan berkesan (Kamisah Buang, 2013; Mohd Nazri Abdul Rahman & Wan Noor Baizura Wan Mohamad Noor, 2018). Akibatnya, pengajaran bahasa Arab di tadika lebih bersifat teoritikal dan pasif, sedangkan pembelajaran kanak-kanak seharusnya bersifat aktif, eksploratif dan penuh kreativiti.

Selain itu, kelemahan dalam penguasaan bahasa Arab juga bermakna murid tidak memahami

maksud ayat yang dihafaz, menyebabkan hafazan mereka bersifat mekanikal tanpa pemahaman makna (Noza Aflisia, 2016; Nurain Zainal Abidin et al., 2017). Ini bertentangan dengan tujuan utama hafazan al-Quran, iaitu menghayati dan memahami makna ayat suci yang dihafal (Abdul Hafiz Abdullah et al., 2005). Kajian menunjukkan bahawa penguasaan bahasa Arab yang kukuh membantu mempercepatkan dan memperkukuh proses hafazan al-Quran (Zahrah Husin et al., 2016).

Ketidakseragaman dalam kaedah hafazan antara tadika Islam di Malaysia turut menimbulkan masalah, kerana ketiadaan pendekatan standard menyebabkan pencapaian hafazan murid berbeza-beza mengikut tempat (Azmil Hashim, 2010). Kaedah konvensional seperti 'chalk and talk' yang masih digunakan secara meluas kini tidak lagi memenuhi keperluan pembelajaran generasi kanak-kanak yang memerlukan pendekatan lebih visual, kinestetik dan kreatif (Abu Umair, 2022; Hazrul Affendi, 2020). Kajian dalam bidang pendidikan mendapati bahawa penggunaan unsur warna dan gambar dalam pembelajaran dapat meningkatkan ingatan, perhatian, dan motivasi kanak-kanak (Mariam Adawiah Dzulkifli & Muhammad Faiz Mustafar, 2012; Utami et al., 2022). Warna yang sesuai dapat menarik minat murid dan membantu mengukuhkan memori jangka pendek dan panjang mereka (Titi Suryansah & Suwarjo, 2016). Tambahan pula, penggunaan gambar dalam pembelajaran bahasa membantu kanak-kanak mengaitkan perkataan baru dengan imejan visual yang nyata, sekaligus mempercepatkan pemerolehan kosa kata (Puteh & Alia, 2016; Abdullah et al., 2020).

Oleh yang demikian, terdapat keperluan yang mendesak untuk membangunkan satu modul inovatif yang dapat mengintegrasikan teknik warna dan gambar dalam pengajaran kosa kata bahasa Arab dan hafazan al-Quran untuk murid prasekolah. Modul ini bukan sahaja bertujuan untuk memudahkan hafazan al-Quran, malah juga memperkayakan pemahaman kosa kata bahasa Arab secara berkesan pada peringkat awal kanak-kanak, bertepatan dengan perkembangan kognitif mereka (Wahyuni & Syafar, 2022). Dengan adanya pendekatan inovatif ini, diharapkan masalah penguasaan bahasa Arab yang berlarutan dari prasekolah hingga ke peringkat lebih tinggi dapat ditangani secara berstruktur dan sistematik (Zainur Rijal et al., 2020; Abdul Hafiz Abdullah et al., 2005).

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk membangunkan konstruk model pengajaran kosa kata bahasa Arab melalui Modul Pengajaran SMART-KQ. Bagi memenuhi tujuan ini, objektif kajian yang hendak dicapai melalui kajian ini adalah:

a. Membangunkan konstruk model pengajaran kosa kata bahasa Arab berasaskan warna dan gambar.
b. Menilai kesesuaian konstruk model pengajaran kosa kata bahasa Arab berasaskan warna dan gambar berdasarkan konsensus pakar.

SOROTAN KAJIAN

Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) menggariskan pengenalan asas bahasa Arab melalui pembelajaran kosa kata mudah dan hafazan surah pendek dalam pendidikan prasekolah (Kementerian Pendidikan Malaysia [KPM], 2010). Walaupun aspek tersebut telah diberikan perhatian dalam kurikulum, beberapa kajian menunjukkan bahawa penguasaan bahasa Arab dan hafazan al-Quran dalam kalangan murid prasekolah masih belum mencapai tahap yang diharapkan (Abdul Razif Zaini et al., 2020; Norizah Tukiman et al., 2017). Kelemahan ini bukan semata-mata berkaitan

keupayaan menghafaz, tetapi turut berkait dengan penguasaan kosa kata bahasa Arab yang menjadi asas kepada pemahaman ayat yang dihafaz (Noza Aflisia, 2016; Nurain Zainal Abidin et al., 2017).

Dapatan tersebut menunjukkan bahawa pengajaran hafazan al-Quran di peringkat awal tidak seharusnya hanya berorientasikan pengulangan dan ingatan, sebaliknya perlu mengambil kira aspek pemahaman bahasa. Hal ini kerana penguasaan bahasa Arab yang baik berpotensi membantu murid memahami kandungan ayat dan seterusnya menyokong proses hafazan yang lebih bermakna (Zahrah Husin et al., 2016). Dengan demikian, terdapat keperluan untuk menghubungkan pengajaran kosa kata bahasa Arab dengan proses hafazan al-Quran secara lebih sistematik.

Literatur turut menunjukkan bahawa kaedah pengajaran yang digunakan dalam pengajaran bahasa Arab dan hafazan al-Quran masih banyak bergantung kepada pengulangan, hafalan dan pendekatan berpusatkan guru (Hussin et al., 2022; Safinah et al., 2023). Pendekatan sedemikian berpotensi menimbulkan kebosanan dan mengurangkan penglibatan aktif murid, khususnya apabila proses pembelajaran tidak disokong dengan bahan visual atau aktiviti yang bersesuaian dengan tahap perkembangan mereka.

Keadaan ini menjadi lebih signifikan apabila dikaitkan dengan ciri pembelajaran murid yang memerlukan pengalaman yang bersifat konkrit, aktif dan menarik. Penggunaan pendekatan seperti *chalk and talk* semata-mata dilihat kurang selari dengan keperluan pembelajaran yang lebih visual, kinestetik dan kreatif (Abu Umair, 2022; Hazrul Affendi, 2020). Oleh itu, isu yang dikenal pasti dalam literatur bukan sekadar kelemahan kaedah hafazan, tetapi turut melibatkan ketidakselarasan antara pendekatan pengajaran dengan keperluan pembelajaran murid.

Selain kaedah pengajaran, faktor guru dan sumber pembelajaran turut mempengaruhi keberkesanan pengajaran bahasa Arab dan hafazan al-Quran. Sebahagian guru prasekolah didapati kurang mendapat pendedahan atau latihan khusus berkaitan strategi pengajaran bahasa Arab dan hafazan yang bersifat interaktif (Hashim, 2022; Mokhtar et al., 2021). Kekangan ini boleh menyebabkan guru lebih cenderung menggunakan kaedah yang mudah dilaksanakan tetapi kurang memberikan pengalaman pembelajaran yang pelbagai kepada murid.

Kekurangan bahan bantu mengajar yang sesuai turut memperkukuh masalah tersebut. Kajian terdahulu melaporkan bahawa guru menghadapi kesukaran mendapatkan bahan yang sesuai untuk menjadikan pengajaran bahasa Arab lebih menarik dan berkesan (Kamisah Buang, 2013; Mohd Nazri Abdul Rahman & Wan Noor Baizura Wan Mohamad Noor, 2018). Situasi ini menunjukkan bahawa usaha memperbaiki pedagogi tidak memadai melalui perubahan kaedah semata-mata, tetapi memerlukan bahan atau modul yang dapat membimbing guru melaksanakan pendekatan pengajaran yang lebih sistematik dan sesuai dengan perkembangan murid.

Aspek kosa kata merupakan satu komponen penting yang menghubungkan pembelajaran bahasa Arab dengan hafazan al-Quran. Penguasaan kosa kata yang lemah menyebabkan murid berkemungkinan menghafaz ayat tanpa memahami makna perkataan yang terkandung di dalamnya (Noza Aflisia, 2016; Nurain Zainal Abidin et al., 2017). Keadaan ini menghasilkan hafazan yang lebih bersifat mekanikal, sedangkan hafazan al-Quran seharusnya turut disertai dengan usaha memahami dan menghayati makna ayat (Abdul Hafiz Abdullah et al., 2005).

Dalam konteks ini, penguasaan kosa kata bukan sekadar hasil sampingan daripada hafazan, tetapi boleh berfungsi sebagai asas sokongan kepada proses mengingat dan memahami ayat al-Quran. Dapatan Zahrah Husin et al. (2016) yang menunjukkan hubungan antara penguasaan bahasa Arab

dengan penguasaan hafazan menguatkan keperluan untuk mengintegrasikan kedua-dua aspek tersebut dalam proses pengajaran. Walau bagaimanapun, kajian terdahulu lebih banyak membincangkan penguasaan bahasa dan hafazan sebagai komponen yang berasingan, sedangkan pendekatan yang menggabungkan pengajaran kosa kata dengan hafazan al-Quran secara khusus di peringkat sekolah masih kurang diberikan perhatian.

Sehubungan itu, pembangunan konstruk model pengajaran kosa kata bahasa Arab berasaskan warna dan gambar dalam pengajaran hafazan al-Quran perlu disokong oleh asas teori dan model pengajaran yang sesuai bagi memastikan pembangunannya dilaksanakan secara terancang dan sistematik. Teori Konstruktivisme dan Teori Interaksional digunakan sebagai asas untuk memahami proses pembelajaran serta interaksi kanak-kanak, manakala Model Pengajaran Taba, Model Pengajaran Sidek dan Model Pengajaran Gagné diadaptasi serta dijadikan panduan dalam mereka bentuk, menyusun dan membangunkan kandungan serta aktiviti modul. Gabungan teori dan model tersebut membentuk kerangka asas pembangunan Modul Pengajaran SMART-KQ seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1. Berdasarkan kerangka tersebut, elemen visual seperti warna dan gambar dipilih sebagai pendekatan utama dalam menyokong proses pembelajaran kosa kata dan hafazan al-Quran.

Penggunaan elemen visual seperti warna dan gambar mempunyai potensi untuk mengatasi sebahagian keterbatasan pendekatan konvensional. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa warna dapat membantu meningkatkan perhatian, ingatan dan motivasi kanak-kanak dalam proses pembelajaran (Mariam Adawiah Dzulkifli & Muhammad Faiz Mustafar, 2012; Titi Suryansah & Suwarjo, 2016; Utami et al., 2022). Pada masa yang sama, penggunaan gambar dapat membantu murid menghubungkan perkataan baharu dengan representasi visual yang lebih konkrit, sekali gus menyokong pemerolehan kosa kata (Puteh & Alia, 2016; Abdullah et al., 2020).

Walaupun dapatan tersebut menunjukkan potensi penggunaan warna dan gambar dalam pembelajaran, kebanyakan kajian membincangkan keberkesanan elemen visual dalam konteks pembelajaran secara umum atau pemerolehan bahasa. Bukti empirikal yang mengintegrasikan kedua-dua elemen tersebut secara khusus dalam pengajaran kosa kata bahasa Arab yang dikaitkan dengan hafazan al-Quran bagi murid prasekolah masih terhad. Justeru, penggunaan warna dan gambar tidak hanya perlu dilihat sebagai bahan bantu mengajar, tetapi berpotensi dibangunkan sebagai satu pendekatan pedagogi yang tersusun.

Secara keseluruhannya, literatur menunjukkan empat isu utama yang saling berkaitan. Pertama, terdapat keperluan untuk memperkukuh penguasaan kosa kata bahasa Arab dalam pendidikan prasekolah kerana kelemahan kosa kata boleh mempengaruhi pemahaman dan hafazan al-Quran. Kedua, pendekatan pengajaran yang terlalu bergantung kepada hafalan dan pengulangan masih menjadi kekangan dalam mewujudkan pengalaman pembelajaran yang aktif dan bermakna. Ketiga, kekurangan latihan guru serta bahan bantu mengajar yang bersesuaian membataskan pelaksanaan pendekatan yang lebih inovatif. Keempat, walaupun warna dan gambar terbukti mempunyai potensi dalam meningkatkan perhatian, ingatan dan pemerolehan kosa kata, penerapannya secara bersepadu dalam pengajaran kosa kata bahasa Arab dan hafazan al-Quran di peringkat prasekolah masih belum dibangunkan secara sistematik.

Oleh itu, jurang utama yang dikenal pasti bukan sekadar kekurangan kajian tentang warna, gambar, bahasa Arab atau hafazan secara berasingan, tetapi kekurangan satu pendekatan atau model yang mengintegrasikan elemen warna dan gambar dengan pengajaran kosa kata bahasa Arab untuk

menyokong hafazan al-Quran dalam konteks pendidikan prasekolah**.** Jurang ini memberikan asas yang jelas kepada pembangunan model pengajaran kosa kata bahasa Arab berasaskan warna dan gambar yang mengambil kira keperluan perkembangan kanak-kanak, keperluan guru serta hubungan antara penguasaan kosa kata, pemahaman dan hafazan al-Quran.



Rajah 1: Teori dan Model Yang Diadaptasi Dalam Kajian

KAEDAH KAJIAN

Fasa pembangunan konstruk model pengajaran kosa kata bahasa Arab berasaskan warna dan gambar melibatkan pengesahan konstruk melalui Teknik Fuzzy Delphi (FDM) sebelum penilaian kebolehgunaan menggunakan Teknik Kumpulan Nominal (NGT). Bagi pengesahan konstruk, seramai 12 orang pakar dipilih secara persampelan bertujuan berdasarkan kepakaran dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak, bahasa Arab, pendidikan Islam dan pengajaran al-Quran. Pemilihan pakar mengambil kira kelayakan akademik sekurang-kurangnya pada peringkat sarjana serta pengalaman sekurang-kurangnya lima tahun dalam bidang berkaitan (Berliner, 2004). Bilangan 12 orang pakar dianggap sesuai kerana kajian Fuzzy Delphi menekankan kualiti dan kepakaran panel berbanding saiz sampel yang besar (Adler dan Ziglo, 1996).

Instrumen FDM berbentuk soal selidik yang mengandungi konstruk dan item awal model. Setiap item dinilai menggunakan skala Likert tujuh mata dan skor tersebut ditukarkan kepada Triangular Fuzzy Numbers (TFN). Data kemudiannya dianalisis berdasarkan tiga kriteria utama, iaitu nilai threshold (d), peratus kesepakatan pakar dan nilai defuzzification. Sesuatu item diterima sekiranya nilai threshold adalah $d \leq 0.20$, peratus kesepakatan pakar mencapai sekurang-kurangnya 75%. Item yang memenuhi kriteria tersebut dikekalkan sebagai konstruk model, manakala item yang tidak memenuhi kriteria akan dipertimbangkan untuk penambahbaikan atau pengguguran berdasarkan pandangan pakar. Prosedur ini membolehkan konstruk yang dipilih mempunyai tahap persetujuan dan kesesuaian yang tinggi berdasarkan penilaian panel pakar.

Seterusnya, fasa penilaian kebolehgunaan model SMART-KQ dijalankan dengan mengumpul maklum balas daripada 23 orang guru Pendidikan Islam yang bertugas di tadika, melalui pengedaran borang soal selidik dan perbengkelan dalam talian. Data dianalisis menggunakan Teknik Kumpulan Nominal (NGT) yang diubah suai (Aizzat et al., 2006; Perry & Linsley, 2006). NGT merupakan satu proses membuat keputusan berasaskan perbincangan bersemuka dalam kumpulan kecil yang bersifat separa kuantitatif dan berstruktur, serta menggabungkan pendekatan kualitatif dan kuantitatif (O'Neil & Jackson, 1983; Dobbie et al., 2004). Lima langkah asas NGT dilaksanakan berdasarkan kesepakatan pakar, iaitu penerangan kajian, pencetusan idea, perkongsian idea, perbincangan isu dan pengundian (Dung, 2015; Harvey & Holmes, 2012; Williams et al., 2006).

Pemilihan guru Pendidikan Islam adalah signifikan kerana mereka terlibat secara langsung dalam pengajaran kosa kata bahasa Arab dan hafazan al-Quran, menjadikan pandangan mereka sangat penting dalam menilai kebolehgunaan model (Berliner, 2004a, 2004b). Menurut Witkin dan Altschuld (1995), pemilihan pakar yang sesuai amat mempengaruhi keberkesanan proses NGT, manakala Boh et al. (2016) menekankan bahawa input pakar sangat berkait rapat dengan kesahan dan kebolehpercayaan dapatan kajian.

Data yang dikumpulkan dianalisis menggunakan Teknik Kumpulan Nominal (NGT) bagi menentukan tahap keutamaan dan kebolehgunaan konstruk yang telah disahkan melalui Fuzzy Delphi. Seramai 23 orang guru terlibat dan dibahagikan kepada beberapa kumpulan kecil yang mempunyai latar belakang serta pengalaman yang hampir seragam, selaras dengan pendekatan yang dicadangkan oleh Ridhuan dan Nurulrabihah (2020) serta Mustapha dan Darusalam (2022). Setiap kumpulan diberikan instrumen yang mengandungi konstruk dan item model untuk dinilai. Proses NGT dilaksanakan secara berstruktur melalui penerangan instrumen, penjanaan pandangan secara individu, perkongsian pandangan, perbincangan kumpulan dan pengundian secara individu. Peserta menilai setiap item menggunakan skala keutamaan yang ditetapkan. Skor undian kemudiannya dimasukkan ke dalam sistem NGT Plus untuk dijumlahkan dan ditukarkan kepada bentuk peratusan. Skor akhir bagi setiap item ditentukan berdasarkan jumlah skor yang diterima dan seterusnya item disusun mengikut tahap keutamaan. Dapatan NGT kemudiannya dibandingkan dengan sorotan literatur bagi menyokong kesesuaian konstruk dan item model. Pendekatan ini membolehkan pandangan peserta direkodkan secara sistematik serta meningkatkan integriti, kesahan dan kebolehpercayaan dapatan kajian.

DAPATAN KAJIAN

Pada bahagian pembangunan konstruk model pengajaran kosa kata bahasa Arab berasaskan warna dan gambar dalam pengajaran hafazan al-Quran, serta penilaian kebolehgunaan model tersebut, merupakan suatu fasa penting dalam memastikan kebolehgunaan dan kesesuaian produk yang dibangunkan oleh penyelidik. Pembangunan konstruk model melibatkan pembentukan elemen-elemen asas yang menjadi tunjang kepada kaedah pengajaran yang sistematik, berstruktur dan sesuai dengan tahap perkembangan murid. Seterusnya, fasa penilaian kebolehgunaan merujuk kepada peringkat di mana prototaip atau bentuk fizikal model pengajaran ini dinilai dari aspek kebergunaan dan kesesuaiannya oleh kumpulan sasaran seperti guru, murid dan pakar pendidikan. Penilaian ini amat penting bagi menilai kebolehgunaan dan penerimaan awal terhadap model yang dibangunkan sebelum ia diperluas penggunaannya dalam konteks pendidikan sebenar (Zaharias, 2012).

Pengesahan Tujuh Konstruk Utama Modul Pengajaran SMART-KQ Berdasarkan Kaedah Fuzzy Delphi

Jadual 1 di bawah menunjukkan dapatan kajian bagi konstruk utama Modul SMART-KQ berdasarkan kesepakatan pakar menggunakan analisis kaedah *Fuzzy Delphi.* Dapatan kajian ini menunjukkan nilai *threshold* (d) dan peratusan kumpulan pakar.

Jadual 1: Nilai threshold (d) bagi Konstruk Utama Modul Pengajaran Kosa Kata Bahasa Arab

PAKAR	**KONSTRUK KANDUNGAN UTAMA MODUL**						
	1	**2**	**3**	**4**	**5**	**6**	**7**
1	0.108	0.095	0.108	0.140	0.095	0.082	0.116
2	0.047	0.095	0.108	0.025	0.095	0.082	0.049
3	0.047	0.059	0.047	0.025	0.059	0.072	0.049
4	0.047	0.059	0.047	0.025	0.059	0.082	0.049
5	0.047	0.059	0.047	0.025	0.059	0.072	0.049
6	0.047	0.059	0.108	0.140	0.095	0.082	0.116
7	0.108	0.095	0.108	0.140	0.095	0.072	0.116
8	0.288	0.299	0.047	0.255	0.299	0.311	0.567
9	0.108	0.095	0.047	0.255	0.059	0.082	0.116
10	0.047	0.059	0.047	0.025	0.059	0.072	0.049
11	0.108	0.095	0.108	0.140	0.095	0.082	0.116
12	0.108	0.095	0.288	0.025	0.095	0.082	0.116
Nilai *Threshold* (d) Setiap Item	**0.092**	**0.097**	**0.092**	**0.102**	**0.097**	**0.098**	**0.126**
Peratusan Kesepakatan Pakar (%)	**100.0%**	**100.0%**	**100.0%**	**100.0%**	**100.0%**	**91.7%**	**91.7%**

Jadual 1 di atas menunjukkan dapatan akhir bagi nilai *threshold* (d) dan peratusan kesepakatan pakar berdasarkan penganalisaan kaedah *Fuzzy Delphi* yang melibatkan tujuh konstruk utama yang dipilih dan dinilai. Berdasarkan jadual ini juga menujukkan tiada penambahan konstruk dilakukan oleh kumpulan pakar.

Jadual 2: Penerimaan Konstruk Utama Pengajaran Kosa Kata Bahasa Arab Berdasarkan Analisa Fuzzy Delphi

Bil	**Konstruk Utama**	**Nilai *Threshold*, d**	**Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, %**	**Kesepakatan Pakar**
1.	Isi Kandungan	0.092	100.0%	TERIMA
2.	Kaedah Pengajaran	0.097	100.0%	TERIMA

3.	Protokol Pengurusan	0.092	100.0%	TERIMA
4.	Pemilihan Warna	0.102	100.0%	TERIMA
5.	Pemilihan Gambar	0.097	100.0%	TERIMA
6.	Teks Surah	0.098	91.7%	TERIMA
7.	Meningkatkan Pengukuhan	0.126	91.7%	TERIMA

Cadangan Item daripada Panel Pakar

Tiada

Kesesuaian Konstruk Utama Modul Pengajaran SMART-KQ Berdasarkan Teknik Kumpulan Nominal (NGT)

Jadual 3: Dapatan Data Penilaian Kebolehgunaan Konstruk Utama Modul Pengajaran SMART-KQ

Bil	Konstruk Utama	Jumlah Skor (N=23)	Peratus (%)	Status Penilaian
1.	Isi Kandungan	132	82%	Sesuai
2.	Kaedah Pengajaran	130	81%	Sesuai
3.	Protokol Pengurusan	127	79%	Sesuai
4.	Pemilihan Warna	141	88%	Sesuai
5.	Pemilihan Gambar	138	86%	Sesuai
6.	Teks Surah	134	83%	Sesuai
7.	Meningkatkan Pengukuhan	135	84%	Sesuai

*Peratusan kebolehgunaan $\geq$ 70.0%

Berdasarkan Jadual 2 di atas, telah menunjukkan jelas bahawa kesemua konstruk utama Modul Pengajaran SMART-KQ adalah berada pada tahap status sesuai untuk digunakan bersandarkan kepada pandangan dan penilaian pakar.

PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

Kajian ini telah membangunkan satu konstruk bagi model pengajaran kosa kata Bahasa Arab berasaskan warna dan gambar (Modul SMART-KQ) yang bertujuan menyokong proses hafazan al-Quran dalam kalangan murid tadika. Pembinaan model ini adalah respon langsung terhadap isu ketidakseragaman kaedah pengajaran dan kelemahan penguasaan kosa kata Bahasa Arab dalam kalangan murid prasekolah, seperti yang telah dikenal pasti dalam bahagian Isu Kajian (Abdul Razif Zaini et al., 2020; Norizah Tukiman et al., 2017). Pendekatan konvensional seperti takrar semata-mata tanpa alat bantu visual terbukti tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan pembelajaran kanak-kanak zaman kini yang lebih visual dan kinestetik (Hashim, 2022; Abu Umair, 2022).

Hasil dapatan kajian melalui kaedah Fuzzy Delphi menunjukkan bahawa tujuh konstruk utama – Isi Kandungan, Kaedah Pengajaran, Protokol Pengurusan, Pemilihan Warna, Pemilihan Gambar, Teks Surah, dan Meningkatkan Pengukuhan – mencapai nilai threshold (d) kurang daripada 0.2 dan

tahap kesepakatan melebihi 91.7%. Ini menandakan kesemua konstruk adalah sah dari sudut konsensus pakar dan sesuai digunakan dalam konteks pendidikan awal kanak-kanak. Hal ini selaras dengan sorotan literatur dalam Pengenalan yang menegaskan kepentingan pendekatan visual dalam pengajaran kosa kata dan hafazan (Mariam Adawiah Dzulkifli & Muhammad Faiz Mustafar, 2012; Utami et al., 2022).

Dapatan penilaian kebolehgunaan pula mengesahkan bahawa kesemua konstruk utama Model pengajaran kosa kata Bahasa Arab berasaskan warna dan gambar mencapai tahap kesesuaian melebihi 79%, dengan elemen pemilihan warna dan gambar mencatat peratusan tertinggi masing-masing 88% dan 86%. Keputusan ini menyokong dapatan kajian terdahulu yang menunjukkan bahawa penggunaan warna dan gambar dapat mempercepatkan pemahaman kosa kata serta meningkatkan daya ingatan pelajar (Mohamed et al., 2020; Abdullah et al., 2020), sekaligus menyelesaikan isu lemahnya motivasi dan pemahaman murid semasa proses hafazan seperti yang dinyatakan dalam Isu Kajian.

Penemuan kajian ini juga menunjukkan bahawa penggunaan elemen visual bukan sahaja membantu murid dalam pemerolehan kosa kata tetapi juga meningkatkan keupayaan mereka untuk mengaitkan makna dengan ayat al-Quran yang dihafaz – satu keperluan asas dalam memastikan hafazan bukan sahaja bersifat mekanikal tetapi juga bermakna (Noza Aflisia, 2016; Nurain Zainal Abidin et al., 2017). Modul ini juga dapat mengatasi cabaran guru yang tidak mempunyai bahan bantu mengajar yang sesuai, seperti yang dibangkitkan dalam Isu Kajian oleh Kamisah Buang (2013) dan Mokhtar et al. (2021).

Kesimpulannya, kajian ini menyokong dapatan bahawa pengajaran kosa kata Bahasa Arab berasaskan warna dan gambar dapat digunakan berdasarkan konsensus pakar dan dinilai sesuai digunakan oleh guru. Seiring dengan dapatan ini, kajian menyarankan agar modul ini diperluas penggunaannya dalam sistem pendidikan Islam dan konvensional serta terus ditambah baik berdasarkan maklum balas berterusan. Kajian lanjutan disarankan untuk menilai kesan penggunaan modul ini terhadap prestasi hafazan jangka panjang dan aspek tatabahasa bahasa Arab yang lebih kompleks.

KONFLIK KEPENTINGAN

Tiada sebarang konflik kepentingan dalam artikel ini.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan setinggi pernghargaan kepada pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam penulisan artikel ini.

PENYATAAN SUMBANGAN PENULIS

Mohd Zaid Ismail (Idea penulisan, metodologi dan penyediaan draf manuskrip)
Mohd Nor Adli Osman (Metodologi, pemformatan dan semakan manuskrip)
Saipolbarin Ramli (Pengumpulan data dan penambahbaikan manuskrip)
Mohammad Najib Md. Norani (Analisis kandungan dan penyusunan data)

KETERSEDIAAN DATA DAN BAHAN

Data yang menyokong dapatan kajian ini boleh diperoleh melalui permohonan kepada penulis yang bertanggungjawab untuk dihubungi (*corresponding author*).

PERNYATAAN ETIKA

Tidak berkenaan.

RUJUKAN

Abdul Hafiz Abdullah, Hussin Salamon, Azmi Shah Suratman, Sulaiman Shakib Mohd Noor, Kamarul Azmi Jasmi, & Abdul Basit Samat @ Darawi. (2005). *Sistem pembelajaran dan kaedah hafazan Al-Quran yang efektif: Satu kajian di Kuala Lumpur dan Terengganu* [Tesis kedoktoran tidak diterbitkan]. Universiti Teknologi Malaysia.

Abdul Razif Zaini, Rosfazila, & Yaakob Hasan. (2020). Saiz kosa kata bahasa Arab dan hubungannya dengan tempoh pembelajaran bahasa dalam kalangan bukan penutur jati. *Jurnal Pengajian Islam, 13*(2), 123–135.

Adler, M., & Ziglio, E. (1996). *Gazing into the oracle: The Delphi method and its application to social policy and public health.* Jessica Kingsley Publishers.

Alqahtani, M. (2015). The importance of vocabulary in language learning and how to be taught. *International Journal of Teaching and Education, 3*(3), 21–34. https://doi.org/10.20472/TE.2015.3.3.002

Aprizal, A. P. (2021). Urgensi pembelajaran bahasa Arab dalam pendidikan Islam. *Jurnal Pendidikan Guru, 2*(2). https://doi.org/10.47783/jurpendigu.v2i2.232

Azmil Hashim. (2010). *Penilaian pelaksanaan kurikulum Tahfiz Al-Quran di Darul Quran JAKIM dan Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri* [Tesis kedoktoran tidak diterbitkan]. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Azmil Hashim, & Ab. Halim Tamuri. (2012). Persepsi pelajar terhadap kaedah pembelajaran tahfiz al-Quran di Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education, 4*(2), 1–10.

Daud, N., & Pisal, N. A. (2014). Permasalahan pertuturan dalam bahasa Arab sebagai bahasa kedua. *GEMA Online Journal of Language Studies, 14*(1), 35–46.

Dzulkifli, M. A., & Mustafar, M. F. (2012). The influence of colour on memory performance: A review. *Malaysian Journal of Medical Sciences, 20*(2), 3–9.

Fenrich, P. (1997). *Practical guidelines for creating instructional multimedia applications*. Dryden Press.

Hashim, R. (2022). Keperluan pembaharuan pedagogi dalam kaedah asas mengaji al-Qur'an: Kaedah Iftar. *O-JIE: Online Journal of Islamic Education, 9*(2), 24–38.

Hussin, H., Ghani, A. R. A., Ahmad, A. R., Saleh, M. H., & Haridi, N. H. M. (2022). Dimensi pelajar terhadap penggunaan medium teknologi dalam kursus hafazan al-Quran semasa COVID-19: Kajian terhadap pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). *Jurnal Qiraat, 5*(1), 27–36.

Ismail Muhamad, Wan Maizatul Akmar Wan Ahmad, & Azman Che Mat. (2013). Sikap dan realiti penguasaan kemahiran bahasa Arab pelajar program j-QAF. *GEMA Online Journal of Language Studies, 13*(2), 81–97.

Johaibi Juhan, & Zainab Ismail. (2015). Pendekatan al-targhib dalam pengajaran dan pembelajaran hafazan Al-Quran kanak-kanak. *Kolokium Antarabangsa Siswazah Pengajian Islam (KASPI), 1*(1), 233–248.

Kamisah Buang. (2011). *Pembangunan dan pengujian modul intervensi membaca Bahasa Malaysia prasekolah berbantukan Multimedia* [Tesis kedoktoran tidak diterbitkan]. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Kamisah Buang, & Rohaty @ Rohatiah Mohd Majzub. (2012). Pembangunan dan pengujian modul intervensi membaca bahasa Melayu prasekolah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan, 1*(1), 65–86.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2010). *Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK)*. Bahagian Pembangunan Kurikulum.

Ku Fatahiyah Ku Azizan, Hanis Najwa Shaharuddin, Farah Nur-Rashida Rosnan, & Wazzainab Ismail. (2019). Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar tahfiz wal qiraat. *e-BANGI, 16*, 1–15.

Mariam Adawiah Dzulkifli, & Muhammad Faiz Mustafar. (2012). The influence of colour on memory performance: A review. *Malaysian Journal of Medical Sciences, 20*(2), 3–9.

Mohd Zaid Ismail, Saipolbahrin Ramli, & Salmiza Abd Rahim. (2024). Isu dan cabaran dalam pengajaran bahasa Arab dan hafazan al-Quran pendidikan awal kanak-kanak. *Jurnal al-Sirat, 24*(1), 98–107. https://doi.org/10.64398/alsirat.v24i1.322

Mokhtar, A., & Manisah Mohd Ali. (2021). Faktor kejayaan pengajaran dan pembelajaran semasa pandemik COVID-19: Tinjauan kepada guru pendidikan khas di Selangor. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education, 1*(4), 140–151.

Nation, I. S. P. (2013). *Learning vocabulary in another language* (2nd ed.). Cambridge University Press.

Nation, I. S. P. (2016). *Making and using word lists for language learning and testing*. John Benjamins Publishing Company.

Noorafini Kassim, Saini Ag. Damit, & Muhammad Suhaimi Taat. (2017). Pengaruh sikap pelajar dan pengajaran guru terhadap penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar PPIB, UMS. *Jurnal 'Ulwan, 1*, 125–142.

Norizah Tukiman, Abdul Razak Habib, & Fauziah Sh Ahmad. (2017). Kaedah muzikal dalam hafazan kanak-kanak prasekolah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan, 6*(2), 41–52.

Nurain Zainal Abidin, Noraini Ibrahim, & Nor Fariza Mohd Nor. (2017). Analisis keperluan kosa kata bahasa Arab untuk pelajar Melayu di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Bahasa Arab, 2*(2), 53–66.

Noza Aflisia. (2016). Hubungan penguasaan kosa kata dengan kemahiran hafazan Al-Quran dalam kalangan murid sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Islam, 2*(1), 14–23.

Razak, N. A., Mohamed, M. A., & Hassan, M. N. (2021). Modul hafazan pintar: Penilaian awal terhadap keberkesanan penggunaan warna dalam hafazan. *Malaysian Journal of Quranic Studies, 4*(1), 19–28.

Sabri Mohamad, Muhammad Taufiq Sulaiman, & Azizul Hakim Tajudin. (2019). Warna dalam penulisan mushaf: Antara keperluan dan cabaran. *Jurnal Warisan Islam, 2*(2), 51–62.

Safinah Ismail, Nurzatil Ismah Azizan, & Siti Nur Husna Abd Rahman. (2018). Kajian keberkesanan pendekatan hafazan multimedia terhadap pelajar sekolah rendah. *Jurnal Qiraat, 2*(1), 44–60.

Siti Marziah. (2021). Pembelajaran kosa kata Arab melalui teknik peta minda bergambar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Arab, 2*(2), 12–21.

Utami, S. N., Fauziddin, M., & Setyosari, P. (2022). The effect of color-coded learning model on vocabulary mastery of the third-grade students. *International Journal of Instruction, 15*(3), 401–416.